

18/08/1997

Pengurusan tepat jamin keindahan

Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU, Ahad - Kerajaan negeri akan memastikan pengurusan dan pemuliharaan alam sekitar yang tepat bagi menjamin keindahan di negeri ini menjadi produk utama dalam industri pelancongan.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee, berkata bagi memastikan keselamatan pelancong terjamin ketika mengunjungi negeri ini, langkah keselamatan akan diperketatkan.

"Kerajaan juga memberi perhatian khusus kepada peraturan dan perundangan serta memastikan kebersihan alam sekitar sentiasa dijaga," katanya dalam ucapan aluan ketika perasmian Hotel Promenade oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Turut hadir Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah (DUN) Datuk Hassan Alban Sandukong; Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat; dan Pengerusi Eksekutif Hotel Promenade, Datuk Dr Hashim Wahab.

Yong berkata, kejayaan pembinaan hotel bertaraf lima bintang di negeri ini menunjukkan sektor swasta yakin terhadap masa depan politik dan ekonomi negeri ini sejak ditadbir Barisan Nasional (BN).

"Keyakinan sektor swasta terhadap kerajaan Sabah adalah kerana sokongan penuh yang diberikan Kerajaan Persekutuan kepada negeri ini untuk meneruskan pembangunan," katanya.

Mengenai sektor pelancongan, Yong berkata, dalam tempoh tiga tahun lalu, jumlah penerbangan terus antarabangsa membawa penumpang ke Sabah terus meningkat daripada 51 penerbangan kepada 72 penerbangan tahun ini.

Katanya, penerbangan dalam negeri di antara Sabah dan negeri lain di negara ini turut meningkat, ini menunjukkan pelancong turut yakin dengan kemampuan kerajaan menguruskan negeri ini.

Yong berkata, satu Jawatankuasa Tindakan Alam Sekitar (EAC) yang menggabungkan kementerian dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dibentuk bagi memulihara dan melindungi alam sekitar negeri ini.

Terdahulu dalam ucapan, Datuk Dr Hashim berkata, Hotel Promenade dibangunkan oleh Syarikat Tokojaya Sdn Bhd mempunyai 451 bilik bertaraf lima bintang.

Katanya, Syarikat Tokojaya Sdn Bhd merancang membangunkan satu rangkaian hotel yang disediakan di pusat komersil di Malaysia dan wilayah Asia Timur.

"Kompleks komersil dan penempatan, dibangunkan dalam enam fasa di kawasan laut yang ditebus guna seluas 9.9 hektar dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2000," katanya.

(END)